

10 MAY 2003

TAKLIMAT DASAR SOSIAL NEGARA UNTUK SEMUA NEGERI - SITI ZAHARAH

LANGKAWI, 10 Mei (Bernama) -- Semua kerajaan negeri akan diberi penerangan mengenai pelaksanaan Dasar Sosial Negara (DSN) bagi membolehkan mereka membuat persediaan sewajarnya dalam menjayakan program itu.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata program penerangan itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai minggu depan.

Beliau berkata DSN akan dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada bulan depan.

"Saya bersama-sama pegawai kanan kementerian akan memulakan program penerangan itu di Selangor minggu depan diikuti Johor dan negeri-negeri lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Psikologi Malaysia 2003 di sini, hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri perlu memahami peranan dalam melaksanakan DSN termasuk menyediakan keperluan di peringkat negeri dan daerah.

Seramai 200 peserta menghadiri persidangan tiga hari itu anjuran Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Persatuan Psikologi Malaysia.

-- BERNAMA
ZI MZM NAK